

Tiga maut bas ekspres terbabas

Seorang lagi parah besi pengadang jalan tembusi ruang dalam bas

Sinar 20/2/13 MS10

AMRULLAH ABDUL KARIM

BUKIT TAGAR - Tiga maut dan seorang parah apabila sebuah bas ekspres yang membawa 16 penumpang terbabas dan melanggar besi pembahagi lebuhraya di Kilometer 420 Lebuhraya Utara Selatan arah Ipoh jam 3.10 pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Norel Azmi Yahya Affandi, bas yang dalam perjalanan daripada Skudai, Johor ke Sungai Nibong, Pulau Pinang dipercayai hilang kawalan ketika melalui kawasan berdekatan susur keluar Plaza Tol Bukit Tagar sebelum terbabas dalam kemalangan ngeri itu.

"Kemalangan dipercayai berpunca daripada kegagalan pemandu mengawal kenderaan yang dipercayai dipandu laju dan melanggar besi pembahagi jalan lalu menembusi ruang dalam bas.

"Kejadian itu mengakibatkan tiga orang penumpang meninggal dunia di mana dua daripadanya lelaki dan seorang perempuan," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Katanya, mangsa yang maut dikenali sebagai Mohamad Zamri Abd Rani, 42, yang berasal daripada



MAUT... (dari kiri) Mohamed Ainol Fauzei, Mohamad Zamri dan Intan Berliana.

nita dikenal pasti sebagai Intan Berliana Hutagalung, 34, berasal dari Bandung, Indonesia.

Menurutnya, semua mangsa dibawa ke Hospital Kuala Kubu Bharu (HKKB) untuk bedah siasat namun sehingga petang semalam belum ada waris yang datang menuntut jenazah mangsa.

Sementara itu, katanya pemandu bas yang parah dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk menerima rawatan manakala 13 penumpang lain sebahagiannya hanya mengalami cedera ringan.

Tambah beliau, keadaan jalan di lokasi kejadian sedikit berselekeh namun cuaca baik ketika kejadian berlaku.


Katanya, siasatan dijalankan oleh Pegawai Penyiasat, Inspektor Maszaliza Ibrahim di bawah Seksyen 41 (1) Akta



NOREL AZMI

berkata, dua penumpang bas yang maut tersepit di tempat duduk penumpang akibat terkena besi pembahagi lebuhraya yang menembusi ruang dalam bas, manakala seorang lagi tercampak keluar melalui cermin depan.

"Anggota bomba terpaksa merenggangkan kedudukan besi yang menyekat dua



Kakitangan Hospital Kuala Kubu Bharu membantu keluarga mangsa mengusung jenazah yang terlibat dalam kemalangan.

42, yang berasal daripada Felda Lubuk Merbau, Kuala Nerang, Kedah dan Mohd Ainul Fauzi Mohd Aman, 25, daripada Simpang Renggam, Johor, manakala mangsa wa-

di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Dalam pada itu, Komander Operasi, Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu, Shamsul Majidi Hassan

an besi yang menyekat dua mangsa di dalam bas sebelum dibawa keluar.

"Kedua-dua mangsa ini duduk berdekatan iaitu depan dan belakang," katanya.



Kedadaan bas ekspres yang remuk. Tiga penumpang maut dalam kemalangan tersebut.



Kedadaan bas ekspres yang terbabit dalam kemalangan di Kilometer 402 Lebu Raya Utara Selatan awal pagi semalam.

Langkah mayat selamatkan diri

"Ya ALLAH... ALLAHU AKBAR... itu saja yang saya ungkapkan berulang kali sebaik mendengar bunyi seretan bas yang bergesel dengan besi pembahagi jalan sampailah saya lihat besi menembusi bas dan menghimpit penumpang di depan saya," kata Sutirah Miswari, 47, menceritakan detik cemas kemalangan menimpa bas ekspres yang dinaiki awal pagi semalam.

Menurut Sutirah, sebaik sahaja terhenti, sambil meminta tolong, dia terus mencari jalan keluar dan terpaksa melangkah tangan mayat salah seorang penumpang yang duduk di depannya.

Menurutnya, dia juga terpaksa merangkak di bawah lekukan besi untuk menyelamatkan diri melalui pintu depan bas.

"Sambil mengucap saya menendang pintu bas dan terus keluar meminta pertolongan sebab saya takut bas terbakar.

"Lepas itu penumpang-penumpang lain turun menyelamatkan diri sampailah ada orang selamatkan kami semua," katanya.

Sutirah, warga Indonesia berkata, dia bersama 16 penumpang lain dalam perjalanan dari Skudai, Johor ke Sungai Nibong, Pulau Pinang.

Menurutnya, bas ekspres yang terbabit kemalangan itu merupakan bas kedua yang mereka naiki selepas ditukar di Kuala Lumpur.

"Sepatutnya, perjalanan kami ke Sungai Nibong hanya menaiki satu bas tetapi kami diarahkan menaiki bas lain ketika tiba di



Anggota polis membalut mayat mangsa yang tercampak keluar daripada bas.

Kuala Lumpur sebab bas itu hanya sampai di Butterworth.

"Jadi, kami tiada pilihan dan pemandu juga bertukar orang. Kemudian, tidak sampai sejam perjalanan kami kemalangan," katanya.

Manakala, seorang lagi penumpang, Elaina Tan, 40, berkata, sepanjang perjalanan daripada Kuala Lumpur hatinya tidak tenang kerana pemandu gantian itu dikatakan memandu laju.

Menurutnya, ketika hampir di lokasi kejadian bas terbabit dikatakan terhuyung-hayang sebelum terbabas.

"Saya tidak boleh tenang dan berdoa sepanjang perjalanan sebab pemandu bawa terlalu laju.

"Penumpang di hadapan beritahu, dia nampak pemandu bas sedang berbual dalam telefon



BUDI PRASTIO

sebelum kejadian itu," katanya yang mahu pulang melawat mending neneknya di Ipoh.

Elaina seorang pekerja hotel di Johor berkata, sepanjang perjalanan daripada Skudai keadaan pemanduan selamat, namun selepas diambil alih pemandu gantian tiba-tiba hatinya tidak tenang sehinggalah insiden ngeri itu berlaku.

Budi Prastio, 29, pula berkata, kematian tiga penumpang bas itu sangat ngeri kerana tersepit dan perut terburai.

Dia yang baru sampai ke Malaysia bersyukur kerana terselamat daripada kemalangan tersebut.



Seorang anggota bomba melihat keadaan dalam bas untuk mencari kaedah mengeluarkan mangsa yang tersepit.